

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN MOHAMED HANIPA
BIN MAIDIN [SEPANG]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bersedia menjadikan tarikh 8 atau 9 haribulan Ogos setiap tahun iaitu tarikh Hari Orang Asal sebagai cuti umum paling kurang kepada semua Orang Asal di negara ini selaras dengan Sambutan Hari Orang Asal Sedunia yang disambut setiap tahun pada 8/9 Ogos, jika ya, bila akan dimulakan, jika tidak, mengapa.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk menambah bilangan hari kelepasan am yang ada sekarang iaitu antara 13 hingga 14 hari bagi hari kelepasan am Persekutuan dan antara 4 hingga 5 hari bagi hari kelepasan am negeri. Jumlah hari kelepasan am yang dinikmati di Wilayah-wilayah Persekutuan dan negeri-negeri adalah antara 17 hingga 19 hari setahun.

Sekian, terima kasih.